

KENYATAAN KARYA

“PENAMBANG” ialah satu penghargaan kepada para pembawa Perahu Tambang yang juga dikenali sebagai Penambang oleh penduduk sekitar Kuching dan juga telah lama berkhidmat untuk warga kampung dan warga sekitarnya. Perahu tambang ini dilaporkan telah beroperasi sejak tahun 1800-an semenjak perdagangan antara kaum Melayu, Dayak dan Cina. Malah, perkhidmatan Perahu Tambang ini turut dijalankan sampai ke hari ini. Penggunaan Perahu Tambang untuk ke seberang sungai dan dari pusat bandar adalah perkara yang biasa bagi warga Kuching. Walaupun adanya jalan dan jambatan yang dibina untuk ke seberang sungai, kebanyakan orang lebih suka menggunakan Perahu Tambang ini sebab ia lebih mudah dan menjimatkan masa. Oleh itu, kebanyakan para pelajar dan pekerja yang tinggal di kawasan persekitaran dan kampung-kampung sungai lebih gemar menggunakan Penambang untuk pergi dan balik dari sekolah dan kerja dan ibu bapa mereka akan menghantar atau menunggu anak mereka di pengkalan seberang.

Arca Instalasi Origami ini diinspirasi melalui kaedah Penambang ini iaitu jimat masa, mudah dan cepat. Penggunaan kertas ini adalah proses yang lebih cepat. Bentuk origami karya juga diinspirasi dari Perahu Tambang itu sendiri. Malah warna yang akan digunakan pada Karya ini nanti akan diinspirasi dari Kuih Kek Lapis yang terkenal di Kawasan persekitaran Instalasi itu kerana ianya adalah Kawasan dimana para penggujUNG dating untuk membeli Kuih Kek Lapis. Para penggujUNG juga senang berinteraksi dengan karya instalasi ini malah penyelenggaraan untuk karya ini juga tidak mempunyai kesukaran.

Dalam masa yang sama, dengan Arca Instalasi ini juga, agar warga Kampung dan sekitarnya terbuka pemikirannya dalam pemahaman mereka terhadap apa itu seni. Warga kampung dan juga Kuching ini kurang pendedahan dalam seni itu sendiri dan kurang pengetahuan dalam seni Malaysia. Dengan ini agar mereka terbuka untuk menerima dan memberi peluang kepada anak-anak muda di Sarawak untuk berkecimpung dalam bidang seni bagi masa hadapan mereka.